

SJK(C) GUNONG RAPAT, IPOH
LATIHAN SOALAN KERTAS PEMAHAMAN BAHASA MELAYU UPSR SJK

BAHAGIAN PERTAMA : SOALAN TATABAHASA

A. Kata Ganti Nama

1. " _____ kah rumah awak ? " tanya Kamal sambil menunjukkan rumah yang terletak di seberang jalan. (Itu , Ini)
2. " Saya menjumpai beg _____ di tepi jalan tadi " kata Daniel sambil menunjukkan beg yang dipegangnya. (itu , ini)
3. Di _____ lah kami selalu bermain semasa kecil " kata kedua-dua orang sahabat itu kepada Sarah sambil menunjukkan taman yang terletak tidak jauh dari tempat mereka berdiri. (sana , situ , sini)
4. " _____ (Kami , Kita) sangat jarang pulang ke _____ (sana , situ , sini) kerana kedua-dua ibu bapa saya sangat sibuk " kata murid itu kepada gurunya.
5. " _____ (Kalian , Kamu , Mereka) mesti berkumpul di dewan pada pukul 8.00 pagi " kata guru disiplin kepada beberapa orang pengawas.
6. " Ampunkan _____ , tuanku " rayu salah seorang penduduk kampung. (hamba , beta , patik , tuan hamba)
7. _____ ialah Pegawai Pelajaran Daerah Kinta Utara. (Dia , Beliau , Baginda)
8. " _____ , bolehkah saya tahu di manakah letaknya rumah Ketua Kampung ? " tanya Encik Samad kepada gadis itu. (Puan , Saudara , Saudari)
9. " _____ lah cara membuat kek ini " kata Puan Sofiah sambil menunjukkannya kepada para hadirin. (Begini , Begitu)
10. " Kalau _____ lah caranya, saya akan cuba melakukannya di rumah " kata salah seorang penonton. (Begini , Begitu)
11. " Kamu boleh pilih _____ buku di perpustakaan, " kata Cikgu Suria.
12. Dia tidak tahu _____ tentang kejadian yang berlaku tadi.

B. Kata Sendi Nama

1. _____ kali pertama, kesalahan murid itu telah dimaafkan.
2. Hadiah yang baru dibeli itu adalah _____ saya.
3. _____ kami, perkara itu tidak sepatutnya berlaku.
4. Kita tidak boleh bersikap sombong _____ orang lain.
5. _____ kalangan masyarakat hari ini, masih ada yang bersikap talam dua muka.
6. Sabri duduk _____ David dan murid baharu itu.
7. _____ Sabri dan David, siapakah yang paling awal sampai ke sini ?

C. Kata Hubung

1. Kami akan pulang ke kampung _____ ayah mendapat cuti.
2. Kereta itu terus berhenti _____ lampu isyarat bertukar merah.
3. Mereka akan melancong ke luar negara _____ seminggu.
4. Saya akan menyiapkan kerja yang diberikan itu _____ termampu.
5. Cikgu Megat membuka begnya _____ melihat ke arah murid-murid.

D. Kata Hubung Berpasangan (Betul atau Salah)

1. Bagaimana acuan begitulah kuihnya. ()
2. Baik guru mahupun murid, mereka bersama-sama membersihkan kawasan itu. ()

1 | Latihan Soalan UPSR@ajizam30-bicarakita.blogspot.com (9/8/2012)